

179

HANYA ORANG² YG DENGKI DAKWA:

KUALA KANGSAR
Ahad

TIMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamed berkata dakwaan kononnya UMNO telah membelakangkan Islam telah ditimbulkan oleh orang-orang yang iri hati.

Katanya, UMNO sentiasa berpandu kepada Islam dan cara-cara ia memerintah juga berpandu kepada ajaran-ajaran Islam.

Bercakap ketika merasmikan perayaan 30 tahun UMNO peringkat bahagian Kuala Kangsar di Dewan Merdeka di sini semalam Dr. Mahathir berkata apa yang tidak perlu ialah pembentukan ideologi Islam dalam UMNO.

"Ini tidak mungkin boleh dilakukan kerana Islam adalah Agama Allah," tegasnya.

Tidak bijak

Beliau berkata adalah tidak bijak menuduh UMNO membelakangkan Islam kerana ternyata tuduhan tersebut tidak benar.

Katanya dakwaan tersebut ditimbulkan oleh orang-orang iri hati.

Dr. Mahathir mengingatkan kemudian bahawa UMNO sudah pasti tidak akan kekal perjuangannya jika perjuang-

UMNO

BT 13 DEC 1976

ANTI

ISLAM?



Dr. Mahathir Mohamed

kan tentang kemungkinan munculnya pelbagai kepimpinan baru yang akan menarik orang-orang Melayu menyokong mereka.

"Inilah yang menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan orang-orang Melayu kerana mereka kehilangan pedoman bagi memilih pucuk pimpinan," tegasnya.

an golongan tua tidak disambung oleh golongan muda.

Sebab itulah, katanya, kepimpinan UMNO perlu terus menerus di semua peringkat.

Dalam masa yang sama, katanya, sokongan orang-orang Melayu di luar UMNO perlulah didapatkan, demikian juga dari lain-lain keturunan.

Mengenai perjuangan orang-orang Melayu sekarang Dr. Mahathir mengingat-